


NILAI KESEDERHANAAN: Cara dan perasaan

A. Padankan gambar di bawah dengan pernyataan yang betul.




(a)

Tidak berebut-rebut semasa menaiki bas sekolah dan sentiasa mengikut peraturan yang telah ditetapkan.



(b)

Menjaga kemudahan telefon awam dengan sebaiknya agar dapat digunakan oleh orang ramai.



(c)

Menggunakan pelbagai kemudahan awam di taman rekreasi bersama-sama secara berhemah.



(d)

Tidak menconteng tempat menunggu bas supaya kelihatan kemas dan bersih untuk kegunaan orang ramai.

B. Nyatakan perasaan kamu berdasarkan situasi di bawah.

1

Kamu dan rakan-rakan kamu sedang berjalan-jalan, tiba-tiba kamu dan rakan-rakan kamu ternampak sekumpulan budak lelaki sedang merosakkan telefon awam yang terdapat di situ.

Perasaan kamu:

2

Kamu dan keluarga kamu berhenti di kawasan rehat dan rawat (R&R), tiba-tiba kamu ternampak seorang lelaki dewasa sedang mengoyakkan iklan di dinding-dinding tandas.

Perasaan kamu:

3

Semasa menaiki bas awam, kamu mendapati terdapat banyak contengan di tempat duduk yang disediakan dan terdapat pelancong asing yang menaiki bas tersebut.

Perasaan kamu:

4

Semasa menggunakan tandas awam, kamu ternampak beberapa orang budak sedang menggunakan tisu yang disediakan secara berhemah dan tidak membazir.

Perasaan kamu:
